

Hubungan Malaysia-China Bakal Masuki Dimensi Baharu

Bernama
6 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Hubungan dua hala antara Malaysia dan China bakal memasuki dimensi baharu menjelang ulang tahun ke-40 pada 28 Mei depan, dengan pelbagai bentuk kerjasama dijangka dilaksana bagi mengukuhkan hubungan sedia ada.

Duta Besar Malaysia ke China Datuk Iskandar Sarudin berkata, sasaran utama Malaysia ketika ini adalah untuk meningkatkan nilai dagangan dengan negara 'Tembok Besar' itu kepada RM160 bilion dalam tempoh lima tahun akan datang.

Katanya, nilai itu mampu dicapai berdasarkan keakraban dan keistimewaan hubungan kedua-dua negara yang pada tahun lepas menandatangani dokumen persetujuan untuk menjalankan kerjasama secara strategik dan komprehensif.

"Menerusi persetujuan itu, apa sahaja perkara kita boleh bincang (dengan China), apa sahaja bidang kita boleh kerjasama tidak terhad kepada sesetengah bidang sahaja seperti perdagangan, budaya atau pembangunan belia.

"Tidak semua negara mendapat keistimewaan seperti ini (kerjasama strategik dan komprehensif), kerana kebanyakan negara lain hanya berkerjasama dengan China menerusi bidang-bidang tertentu sahaja," katanya ketika ditemui pemberita selepas menyampaikan ceramah bertajuk "Beberapa Sudut Pandangan Hubungan Diplomatik Malaysia dengan Negara-negara Asing," di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini, Khamis.

Iskandar berkata, pada tahun lepas kedua-dua negara mencatatkan nilai dagangan sebanyak RM100 bilion sekali gus menjadikan China sebagai rakan dagang terbesar Malaysia.

Katanya, sekalipun Malaysia terlibat dalam pertikaian tuntutan wilayah maritim Laut China Selatan dengan China, hubungan Malaysia-China tidak akan terjejas dan sentiasa berada di tahap terbaik.

Katanya, isu tuntutan wilayah maritim itu akan diselesaikan secara aman menggunakan instrumen sedia ada termasuk undang-undang antarabangsa seperti Konvensyen Pertubuhan Bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Laut.

"Ada instrumen yang boleh kita gunakan untuk menyelesaikan secara aman, selain itu kita harap semua pihak (negara) yang terlibat tidak membuat tindakan yang boleh menimbulkan krisis atau ketidakselesaian (di rantau berkenaan)," katanya.

Isu tuntutan bertindih wilayah maritim Laut China Selatan yang berlarutan sejak beberapa tahun lalu membabitkan beberapa negara iaitu China, Taiwan, Vietnam, Filipina, Brunei dan Malaysia.

Hubungan Malaysia dan China bermula selepas Perdana Menteri Kedua Malaysia Tun Abdul Razak Hussein melawat China pada 28 Mei 1974.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019905>